

07/04/2003

Temasya sukan sekolah makin kehilangan seri

Raja Ahmad Zainuddin

SEMASA kecil saya masih ingat betapa gembiranya apabila dapat mewakili pasukan rumah dalam acara sukan sekolah rendah. Tetapi berlainan sekarang, dunia sudah berubah. Mereka hanya akan merasa bangga dan megah jika berpeluang menyaksikan sukan berprestij.

Di tahun enam sekolah rendah, saya merasa bertuah apabila diberitahu guru yang saya dipilih mewakili Rumah Kuning untuk acara lari 100 dan 200 meter. Awal pagi lagi emak saya sudah membuat persiapan kerana bimbang saya akan terlepas bas sekolah. Oleh kerana rumah saya jauh, orang tua saya hanya memberi nasihat dan kata-kata semangat. Ternyata berbekalkan semangat itu mendorong saya memenangi acara 200m dan hanya di tempat kedua dalam 100m. Lebih bangga sebagai anak kampung menewaskan peserta lain yang tinggal di bandar.

Begitulah hebatnya sukan peringkat sekolah pada ketika itu. Pelajar tidak perlu dikerah sebaliknya mereka dengan rela hati menawarkan diri untuk mengambil bahagian dalam acara sukan dipertandingkan.

Tetapi tidak lagi sekarang, temasya sukan sekolah tidak lagi semeriah dahulu. Semangat orang kampung untuk memberi sokongan semakin lentur, jika ada pun ia bagaikan melepas batuk di tangga. Selera orang juga semakin jauh berubah. Orang sekarang lebih cenderung menonton acara sukan melalui televisyen. Pemilik gerai makan di kampung juga semakin cerdik dengan menayangkan filem gusti untuk menarik pelanggan hingga ke larut malam.

Orang sekarang juga akan merasa lebih megah jika berpeluang menyaksikan sukan-sukan bertaraf antara bangsa atau mana-mana kejohanan besar kerana lebih terdorong melihat bintang pujaan mereka dengan lebih dekat. Sukan komanwel yang pernah kita anjurkan dan sukan sea di Kuala Lumpur sedikit masa dahulu adalah sebagai contoh.

Begitu juga dengan sokongan 100,000 penonton di perlumbaan Formula One Grand Prix Petronas di Litar Sepang baru-baru ini. Secara tidak langsung selain menjadi penganjur, kita juga berjaya menghimpun ramai pemandu Formula One di Kuala Lumpur. Ini tidak termasuk semasa Sukan Sea dan Sukan

Komanwel yang julung kali diadakan hampir lima tahun lalu.

Tetapi bayangkan jika temasya sukan seperti itu diadakan di peringkat sekolah. Apa kah masih ramai yang akan hadir untuk memberi sokongan kepada murid sekolah rendah yang sedang berlari? Atau ibu bapa dan penjaga sekadar menyerahkan bulat-bulat kepada pengurusan sekolah atau pihak sekolah hanya sekadar menganjurkan sukan tersebut semata-mata untuk mengambil hati Jabatan Pendidikan. Tetapi tidak semua sekolah. Ramai

guru

besar yang bekerja keras dan bertungkus lumus bagi memastikan acara sukan peringkat sekolah sentiasa berjaya dan tidak sekadar melepas batuk di tangga.

Minggu lalu, saya dijemput merasmikan temasya sukan Sekolah Kebangsaan

Sungai Jernih di Parlimen saya iaitu di Larut. Kecuali urusan lain yang tidak dapat dielakkan, saya tidak pernah menolak sebarang undangan sekolah. Setidak-tidaknya saya dapat menemui pengundi. Sebelum itu pun saya hadir di pembukaan sukan olahraga beberapa lagi sekolah.

Jika dibandingkan dengan kejohanan Majlis Sukan Sekolah-sekolah Malaysia

(MSSM) sama ada peringkat negeri dan kebangsaan, sememangnya olahraga peringkat sekolah ini bagaikan jauh panggang dari api. Di bandingkan zaman

dahulu, zaman sekarang pihak sekolah lebih manja kerana ada tempat untuk mereka memohon peruntukan dan kemudahan, sekalipun baru bergelar juara di

peringkat mukim.

Tetapi, jangan kita pandang rendah kepada kemeriahan temasya sukan sekolah ini, kerana pada suatu masa dulu di sinilah tempat orang ramai dan

penduduk kampung berkumpul untuk berpesta. Di zaman dahulu, jika ada majlis sekolah, orang ramai termasuk ibu bapa akan keluar beramai-ramai untuk membantu sekolah membuat persiapan. Ada yang turut menyembelih binatang ternakan untuk membuat kenduri. Mereka akan melakukan kerja gotong royong membersihkan kawasan sekolah dan padang untuk temasya sukan diadakan.

Budaya saling membantu cukup kuat. Tidak ada pulau memulau, jika pun ibu

bapa yang anak mereka berpindah ke sekolah menengah, tetapi semangat untuk

menceriakan lagi temasya sukan peringkat sekolah rendah cukup menebal. Ibu

bapa atau murid tua akan bersama-sama mengambil bahagian.

Tetapi tidak lagi sekarang, keadaan sudah berubah jika nasib tidak baik

premis dan pengurusan sekolah terpaksa menunggu seketika, kehadiran ibu bapa atau penjaga sebelum memulakan majlis. Kenapa ini berlaku? Adakah kerana ibu bapa terlalu sibuk? Dengan urusan atau kerja yang lain, sedangkan kehadiran mereka amatlah diperlukan setidak-tidaknya memberi dorongan dan semangat kepada anak-anak mereka yang mengambil bahagian.

Jangan kita nafikan betapa ramai atlit yang berjaya menempah nama di persada antara bangsa sebelum, sekarang dan yang akan datang adalah benih

yang disemai dari pesta sukan peringkat sekolah.

Malaysia tak mungkin dapat melahirkan Muhammad Hafiz Hashim jika tidak bakatnya diasah dari sekolah hingga menggegarkan dunia badminton kerana muncul juara perseorangan Seluruh England baru-baru ini. Selain Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan Pemangkunya, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi, dia ini juga turut mendapat pujian daripada Yang di-Pertuan Agong semasa bertitah merasmikan pembukaan Dewan Rakyat baru-baru ini.

Jika dahulu, perasmian sukan sekolah pun pernah dilakukan oleh menteri.

Tetapi sekarang jika wakil rakyat tidak dapat berbuat demikian, temasya tersebut hanya disempurnakan oleh ketua kampung atau pengerusi persatuan ibu bapa sekolah itu sendiri. Ada juga sekolah yang menjemput ahli korporat kerana terhutang budi dengan sumbangan diberikan.

Kenapa ini berlaku? Setiausaha Parlimen Kementerian Pendidikan Datuk Mahathir Khir sendiri tertanya-tanya sewaktu kami membincangkan masalah padang permainan di sekolah dewasa ini yang semakin berkurangan kerana terpaksa memberi laluan kepada pembinaan bangunan-bangunan baru.

Begitu juga dengan masalah belia sekarang yang sukar mendapatkan padang bola. Semasa saya hadir di majlis perasmian badan seni silat di Kampung Tua juga dalam kawasan saya, saya didatangi seorang pemimpin pemuda yang mendesak supaya dibeli sekeping tanah berhampiran dengan nilai RM300,000 untuk tujuan membina padang bola.

Seorang ketua kampung juga hampir merajuk kerana gagal mendapatkan sebuah dewan serba guna disebabkan sukar mendapat tanah bagi tapak bangunan tersebut kerana ia membabitkan kos pembelian tinggi berbanding di masa dahulu ramai yang tampil ke hadapan untuk menawarkan tanah mereka bagi tujuan pembangunan.

Tetapi hari ini, untuk mendapat sebidang tanah bagi anak-anak sekolah bermain pun amat sukar sekali. Justeru bagaimana, belia di kampung hendak menumpang padang sekolah, jika padang yang ada juga diambil untuk mendirikan bangunan tambahan. Jika ada pun padang yang boleh dikongsi, tetapi tidak semua guru besar yang bermurah hati.

Maka sebab itu, di persidangan Parlimen baru-baru ini, rata-rata Ahli Parlimen menyuarakan pandangan mereka supaya Kementerian Belia dan Sukan (KBS) dan Kementerian Pendidikan duduk semeja berbincang bagi menyelesaikannya.

Bagaimana kita hendak mencari bakat baru jika kemudahan sukan di luar bandar tidak dapat disediakan? Persatuan bola sepak tidak boleh bergerak aktif jika kekurangan padang. Demikianlah juga dengan persatuan belia yang sukar bergerak aktif jika bilangan dewan tidaklah banyak di didirikan.

Kita mengalu-alukan apa jua dasar dan rancangan pembangunan KBS seperti diumumkan Datuk Hishamuddin Tun Hussein ketika membentangkan peruntukan RM64.1 juta bagi persediaan fasa pertama Program Gemilang 2006 bagi Januari hingga hujung tahun ini dalam usaha negara melahirkan atlit yang mampu berdaya saing di peringkat tertinggi.

Program yang mengandungi tiga fasa yang membabitkan 26 jenis sukan, 31 acara dan 27 persatuan sukan kebangsaan dengan 602 atlit adalah disenaraikan bagi fasa pertama dan seterusnya bergantung kepada kelulusan kementerian kewangan bagi fasa berikutnya.

Akan tetapi, bagaimana pula dengan pembangunan sukan di peringkat akar umbi, seperti mana yang diluahkan oleh Presiden Majlis Olimpik Malaysia (MOM) Tunku Imran Tuanku Ja'afar walaupun tidak disenangi beberapa pihak.

Saranan Presiden MOM itu wajar diberikan pertimbangan kerana di peringkat akar umbi inilah yang akan menjadi landasan utama bagi kita

mencungkil bakat-bakat baru seperti kata pepatah jika tidak di pecahkan ruyung bagaimana hendak dikeluarkan sagu?

Oleh itu, semua pihak perlulah melihat kekurangan prasarana di sekolah jika mereka inginkan melentur buluh dari rebungunya dan di kawasan luar bandar bagi memastikan objektif pembangunan sukan tercapai dengan tidak menolak rancangan bagi menumpukan kepada pendedahan atlit yang meningkat ke peringkat lebih mencabar.

Dalam hubungan ini, pihak berkuasa tempatan perlu turut sama berusaha memberi ruang lebih luas kepada badan-badan sukan peringkat daerah dan mukim dengan menggunakan kemudahan sedia ada atau menambahkan lagi bilangan padang bola, gelanggang serba guna dan dewan tertutup.